| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ibu tunggal terima rumah Baiti Jannati | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 15 Sep 2021 | Language | Malay |
| Circulation | 155,996 | Readership | 467,988 |
| Section | Negara | Page No | 12 |
| ArticleSize | 230 cm² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 17,907 | | |
| | | | |

# Ibu tunggal terima rumah Baiti Jannati

**MELAKA** – Nasib enam sekeluarga yang hilang tempat berteduh selepas rumah pusaka mereka musnah dalam kebakaran pada tahun lalu akhirnya terbela apabila dihadiahkan sebuah rumah baharu, di Kampung Baroh, di sini semalam.

Rumah tersebut merupakan sumbangan menerusi projek Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad (TNB) Melaka.

Menurut penerima, Anisah Mamat, 42, insiden pada November tahun lalu itu menyebabkan dia mengalami kerugian kira-kira RM150,000 dan terpaksa membawa tiga anak, seorang adik serta ibunya berusia 74 tahun menyewa rumah lain.

"Saya bersyukur kerana ada pihak yang prihatin dengan nasib kami sekeluarga, apatah lagi saya perlu menjaga anak-anak berusia 12 hingga 17 tahun dan ibu yang kini terlantar di atas katil akibat sakit urat saraf.

"Sejak kehilangan rumah pusaka, saya membawa keluarga menyewa di rumah lain dan menjadi pengasuh, namun pendapatan saya hanyalah antara RM400 hingga RM500 sebulan," katanya ketika ditemui di rumah barunya itu.

Tambahnya, sebelum ini dia juga pernah dibantu oleh Majlis Agama Islam Melaka yang memberikan kediaman sementara di Malim.

Turut hadir menyerahkan rumah itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Batu, Datuk Norhizam Hassan Baktee dan Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB) negeri, Ahmad Fadhil Aziz.

Sementara itu, Ahmad Fadhil memberitahu rumah tersebut dibangunkan dengan kos pembinaan RM50,000 dan dilengkapi tiga bilik serta satu bilik air.

**ANISAH (tengah) menerima sijil Projek Baiti Jannati rumah baharunya di Kampung Baroh, Bachang, Melaka semalam.**

Powered by: isentia